

08 SEP 2002

MAHATHIR-ISLAM 2 (tambahan maklumat)

KUASA BARAT TIDAK BERSUNGGUH 2

Pada sesi soal jawab kemudian, Dr Mahathir berkata cukai sedemikian tidak akan membebankan perniagaan kerana ia tidak akan melibatkan pengenaan cukai baru dan ia boleh ditetapkan pada kadar yang amat minimum antara 0.5 dan satu peratus.

"Di bawah perjanjian cukai berganda, anda hanya membayar pada satu negara. Mungkin negara tuan rumah boleh mengenakan cukai ini," cadang beliau.

Dr Mahathir juga berkata semasa idea itu pertama kali dibangkitkan olehnya di Forum Boao bagi Asia di Pulau Hainan China tahun lepas, tiada respons diterima kerana kebanyakan orang, terutama masyarakat peniaga, merasakan mereka telah terlalu banyak membayar cukai.

Dr Mahathir berkata sebuah badan dengan wakil dari negara membangun dan negara miskin boleh ditubuhkan untuk menguruskan cukai dunia dan mengagihkan secara adil kepada mereka yang memerlukan.

"Ia tidak harus menjadi seperti Bank Dunia atau IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa)...mereka bukannya badan bebas. Seseengah orang mungkin takut ahli politik akan menyalahgunakan bantuan...jadi badan baru itu boleh mentadbir tabung berkenaan dan memutuskan sendiri mengenai projek," katanya.

Beliau berkata cukai itu boleh digunakan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi di tempat seperti Asia Tengah dan Afrika serta membina kemudahan infrastruktur seperti jalan dan jambatan.

"Kos pengangkutan di sana (Asia Tengah dan Afrika) adalah amat tinggi sekarang kerana kekurangan infrastruktur dan ini membuatkan produk mereka mahal," katanya.

Dr Mahathir berkata akhirnya negara maju dan perbadanan antarabangsa akan mendapat manfaat apabila negara miskin membangun kerana kemudahan infrastruktur yang bertambah baik akan mewujudkan peluang ekonomi, kerja dan kuasa membeli.

--BERNAMA